

1 MAC 2018

'Belanja' anak dadah

50 tengah 01-03-2018 >> Op Perdana membabitkan tiga daerah selama dua hari

'Belanja' anak dadah

■ Bekal 10 remaja bahan terlarang, jadikan rumah sarang penagihan

Mohd Hasbi Sidek
mohd.hasbi@nstp.com.my

Petaling Jaya

Belanja dadah untuk dua anak dan lapan rakan anaknya. Itu dilakukan seorang lelaki berusia 40 tahun di rumahnya di Hulu Klang, Ampang yang dijadikan sarang menagih ganja.

Semua 10 remaja berusia 18 hingga 21 tahun bersama lelaki itu antara 170 individu ditahan dalam Op Perdana Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Selangor bermula jam 12 tengah malam kelmarin hingga jam 12 tengah hari semalam.

Difahamkan, semua 11 individu terbabit ditahan ketika berada di rumah ber-



kenaan. Daripada maklumat diterima, lelaki berkenaan yang juga bapa dua remaja ditahan itu membekalkan ganja kepada anaknya dan lapan remaja lain.

Pengarah AADK Selangor Md Razif Wan berkata, operasi dijalankan serentak di Ampang, Hulu Langat dan Petaling dengan kekuatan 60

“ Kami difahamkan bapa remaja berkenaan membekalkan dadah kepada anak dan rakan anaknya, malah turut benarkan remaja terbabit guna rumah itu sebagai tempat melepaskan gian”

Md Razif

anggota, selain dibantu anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan polis.

“Op Perdana membabitkan tiga daerah selama dua hari. Kami melakukan pemeriksaan terhadap 188 individu dan mendapati 170 daripada mereka positif dadah.

“Seramai 63 didapati positif Methamphetamine, 52 positif morfin dan 38 positif ganja, selain 16 daripadanya positif dadah campuran. Semua yang ditahan berusia 16 hingga 53 tahun,” katanya.

Beliau berkata, mengikut pecahan lokasi, seramai 65 ditahan di Petaling, 54 ditahan di Hulu Langat manakala 51 lagi di Ampang.

“Dalam serbuan di sebuah rumah di Ampang, kami menahan 11 individu bersama seorang lelaki dewasa yang juga bapa kepada dua remaja yang turut ditahan kerana didapati positif ganja.

“Kami difahamkan bapa remaja berkenaan membekalkan dadah kepada anak dan rakan anaknya, malah turut membenarkan remaja terbabit menggunakan rumah itu sebagai tempat melepaskan gian,” katanya.